

ZINA DAN KESANNYA KEPADA MASYARAKAT

22 Rabiul Awal 1443H/ 29 Oktober 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Zina merupakan dosa yang amat besar di sisi Allah Subhanahu wa Taala. Firman-Nya dalam Surah al-Isra' ayat 32:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَى إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: *Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya ia adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*

Menurut Imam Ibnu Kathir, Allah Subhanahu Wa Taala melarang kita melakukan zina dan segala perkara yang mendekatkan kita dengan zina. Contohnya seorang lelaki berduaan dengan wanita yang bukan mahramnya, bergaul, bersentuhan, bergurau senda dengan bebas, memandangi wanita dengan nafsu syahwat, melihat gambar atau video lucah dan banyak berkhayal membayangkan perbuatan seksual. Kaum wanita pula diharamkan mendedahkan auratnya serta melakukan perbuatan-perbuatan yang menggoda kaum lelaki.

Kita juga dilarang keras melakukan zina mata, zina lidah, zina hati dan sebagainya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظَّهُ مِنَ الزَّيْنِ، أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ، فَزَنَا الْعَيْنَ النَّظْرُ،
وَزَنَا اللِّسَانَ الْمَنْطِقُ، وَالْقَلْبُ تَمَتَّى وَتَشْتَهِي، وَالْفَرْجُ يُصَدِّقُ ذَلِكَ كُلَّهُ وَيُكَذِّبُهُ“

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah telah menetapkan bahagian zina untuk setiap anak Adam, dia akan mendapatkannya dan tidak boleh dihindari, maka zina mata dengan melihat, zina lidah dengan ucapan, zina hati dengan membayangkan dan merasakan syahwat, sedangkan kemaluan membenarkan semua itu atau mendustakannya.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Jabatan Pendaftaran Negara pada Tahun 2020 melaporkan bahawa terdapat lebih daripada 50,000 anak luar nikah telah dilahirkan di seluruh Malaysia dan kira-kira 96,000 orang wanita menjalani proses pengguguran janin di klinik-klinik yang menawarkan perkhidmatan tersebut di seluruh negara. Secara purata, terdapat 100 kes pembuangan bayi dilaporkan setiap tahun. Faktor utama berlakunya semua ini adalah kerana berleluasanya penzinaan.

Imam al-Zahabi Rahimahullah dalam kitabnya *al-Kaba'ir* menyebut sebahagian maksud beberapa hadis antaranya riwayat Imam Muslim, bahawa pada hari akhirat nanti, Allah Subhanahu wa Taala tidak akan berkata-kata dengan si penzina, tidak akan memandangnya (dibiarkan sahaja) dan tidak akan menyucikan dosa-dosanya. Di neraka, kemaluan para penzina akan berbau sangat busuk sehingga menyeksa penghuni neraka yang lain. Kemaluan mereka akan digantung dan dipukul dengan cemeti besi sambil dicemuh oleh malaikat Zabaniah. Bagi golongan penzina, disediakan pembakar khas dalam neraka yang sempit atasnya dan luas bahagian bawahnya. Setiap kali disambar api mereka akan melolong kerana panas yang melampau dan sakit yang amat sangat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَرَبَّ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ
خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

Yang bermaksud: *“Katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangan dan memelihara kemaluan mereka. Yang demikian itu adalah lebih baik bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.